

# Universiti bukan kilang penuhi permintaan industri

**Pandemik** COVID-19 menimbulkan perdebatan baharu di universiti. Selain persoalan bagaimana universiti harus menyesuaikan diri dengan norma baharu membabitkan lebih banyak pengajaran dan penilaian (PdP) dalam talian, perbincangan peranan sebenar universiti mula dibahaskan ramai.

Kebelakangan ini, prestasi universiti selalu diukur sejauh mana keberkesannya dalam membekalkan graduan untuk industri. Maklum balas daripada industri banyak menyentuh universiti gagal melahirkan graduan memenuhi

keperluan perniagaan mereka.

Kekurangan kemahiran berinteraksi dan komunikasi antara disebut-sebut pihak industri sebagai beberapa bidang dikenal pasti kurang memuaskan. Kelemahan itu sangat berkait rapat dengan graduan kurang berprestasi. Justeru, sebahagian besar industri menyalahkan universiti

kerana tidak melahirkan graduan memenuhi kehendak mereka dan mengikut acuan ditetapkan.

Akhir-akhir ini, universiti berlumba-lumba mengejar ranking dipelopori beberapa syarikat luar. Ranking universiti juga berkait rapat bagaimana industri menilai mereka. Universiti yang tidak menikmati penilaian dan persepsi baik daripada industri, biasanya tidak akan mencapai ranking tinggi.

Sejak ranking menjadi batu asas pe-

nilaian, banyak universiti terpaksa akur dengan kriteria penilaian ditetapkan. Suka atau tidak, universiti terpaksa berusaha keras memenuhi tuntutan ranking supaya tidak ketinggalan dalam persaingan menarik pelajar.

Tambahan pula, menjadi lumrah universiti yang tinggi rankingnya bukan saja mampu menarik lebih ramai pelajar, bahkan dihadiahkan jumlah pembiayaan lebih tinggi dalam penyelidikan daripada kerajaan.

Universiti swasta pula tidak banyak pilihan. Mereka terpaksa menyertai ranking untuk menarik lebih ramai pelajar, terutama dari luar negara. Pelajar asing banyak melihat ranking sebagai panduan memilih universiti bertepatan kehendak mereka.

Kebelakangan ini, terdapat perubahan ketara bagaimana warga universiti melihat hubungan antara universiti dengan industri. Ada mempersoalkan sama ada universiti ditubuhkan untuk melayani kehendak industri atau memainkan peranan memimpin industri.

Semua bersetuju hakikat universiti biasanya diiktiraf sebagai gedung takungan ilmu yang sentiasa memburu ilmu baharu untuk ke hadapan. Ini bermakna universiti perlu sentiasa aktif mencipta dan mengasimilasikan ilmu berkaitan pelbagai bidang keperluan manusia sejagat untuk terus maju serta menyahut segala cabaran hidup termasuk bidang sains, seni dan kemanusiaan.

Bagi memastikan masyarakat mendapat manfaat daripada ilmu pengetahuan tersedia, universiti menjalankan

pengajaran dan menyebarkan ilmu menerusi pelbagai program seperti seminar.

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang diusahakan universiti pula bertujuan menambahkan lagi takungan ilmu. Ia bertujuan industri mendapat manfaat daripada ilmu pengetahuan dihasilkan di universiti dari segi peluang perniagaan dan teknologi baharu diperlukan untuk menjana perkembangan perniagaan mereka.

Seperti disuarakan beberapa Naib Canselor baru-baru ini termasuk Prof Kanan Datuk Dr Khalid Yusof dari Universiti UCSI, kini sudah tiba masanya universiti menghasilkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan mempunyai lebih makna dan nilai kepada masyarakat termasuk industri.

Hujahnya, jika ilmu daripada universiti menepati maksud dan nilai betul, sudah tentu kita akan melihat industri berduyun-duyun ke universiti untuk mendapatkan, idea perniagaan serta teknologi baharu untuk membantu mereka.

Malah jika kita mengkaji secara dekat perkembangan universiti pada masa lalu, itulah peranan sebetulnya. Beberapa universiti terkemuka di dunia masih mengamalkan peranan sedemikian.

Malangnya sejak kebelakangan ini, terutama kerana dipandu peningkatan pekerjaan lebih berintensif pengetahuan, universiti terpanggil oleh industri untuk menghasilkan bakat diperlukan yang tepat memenuhi spesifikasi dicadangkan mereka.


Akibatnya, nilai ilmu dihasilkan di universiti kelihatan bertambah mundur berbanding universiti hebat dunia. Ada juga menyamakan universiti dengan kolej teknikal dan vokasional yang memang diberi tanggungjawab melaksanakan peranan sebagai kilang bagi menghasilkan pekerja bertepatan kehendak industri.

Ramai berpendapat universiti sepatutnya mengeluarkan graduan mampu berfikir untuk mencari penyelesaian cabaran hidup kian bertambah di dunia. Beberapa tokoh mencadangkan kepemimpinan pemikiran diharapkan daripada universiti sangat kurang sejak kebelakangan ini.

Presiden Pengasas Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Omar Abdul Rahman berpendapat kini sukar untuk mencari 'akademik yang betul-betul lengkap' dalam kalangan universiti tempatan. Beliau juga mencadang beberapa kriteria bagi mengukur acuan seorang akademik lengkap dari segi pemikirannya.

Ramai ahli akademik mencadangkan untuk mengadakan lebih banyak wacana mengenai subjek menghasil ilmu lebih bermakna dan bernilai daripada universiti. Terdapat kepercayaan semakin menebal universiti akan lebih dihormati masyarakat jika bukan hanya dapat memenuhi permintaan industri, bahkan menyediakan kepemimpinan bermakna kepada industri. Dengan demikian, penyediaan pekerjaan akan secara automatiknya terhasil

*Penulis ialah Felo Akademi Sains*



Prof Datuk  
Dr Ahmad  
Ibrahim